

# **PENGURUSAN ALIRAN TUNAI SYARIKAT PEMBINAAN**

**MOHD NUR IMAN AL HAFIZ BIN MOHD JAMIL**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan)

Jabatan Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina

Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2011

## **PENGHARGAAN**

### **“Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang”**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dariNya dapat juga laporan Projek Sarjana Muda ini disiapkan sebagai syarat untuk penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan). Jutaan terima kasih ditujukan kepada kedua ibu bapa, Mohd Jamil bin Abdullah dan Nor Zahati binti Hassan yang selalu memberikan sokongan dan semangat sepanjang tempoh pengajian saya. Begitu juga kepada semua ahli keluarga yang sentiasa membantu dan menjadi sumber inspirasi saya.

Di sini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu En. Jamaluddin Yaakob. Bantuan, nasihat dan dorongan beliau dari awal penulisan sehingga karya ini dibukukan amatlah dihargai. Jutaan terima kasih juga kepada Prof. Ahmad Rosdan Abd Razak yang sudi membantu penulisan dan idea baru untuk Projek Sarjana Muda ini. Individu yang memberi kerjasama sepanjang penyelidikan ini iaitu En. Hamidom Husin, En. Che Aswandy Che Rahim, dan En Faizal Kamarulzaman.

Kepada sahabat handai dan rakan-rakan seperjuangan semua juga tidak di lupakan. Terima kasih kerana telah banyak membantu secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan laporan Projek Sarjana Muda ini. Segala sokongan moral, teguran dan bantuan semua tidak akan di lupakan hingga ke akhir hayat. Semoga semua jasa baik itu di balas dengan kebaikan dari Allah S.W.T. jua.

## ABSTRAK

Tunai merupakan komponen paling penting dalam dunia perniagaan terutamanya syarikat yang terlibat dalam industri pembinaan. Industri pembinaan berbeza dengan industri perkilangan, ia tidak memerlukan pelaburan modal yang besar tetapi ia memerlukan sumber kewangan yang mencukupi untuk mencapai obligasi kewangan. Banyak syarikat yang terlibat dalam industri pembinaan gagal dalam penyiapan projek dalam tempoh kontrak. Mengikut kajian, masalah utama kontraktor pada masa pembinaan ialah mengenai kelambatan bayaran oleh majikan. Justeru, objektif kajian ialah untuk mengenalpasti strategi syarikat pembinaan jika menghadapi kelambatan bayaran dari majikan. Skop kajian terhad kepada syarikat pembinaan Kelas A dan Gred G7 di negeri Johor. Metodologi kajian yang digunakan untuk mencapai objektif tersebut ialah borang kaji selidik dan sesi temuramah. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science*. Hasil penyelidikan mendapati strategi syarikat untuk menghadapi kelambatan bayaran ialah dengan meningkatkan modal syarikat iaitu dengan membuat simpanan kewangan dan keuntungan sebelum menghadapi masalah bayaran dan penggunaan tunai projek pada masa kelambatan bayaran. Kedua duanya merupakan strategi dalaman dan permohonan jaminan kredit sebagai strategi luaran syarikat.

## ABSTRACT

Cash is the most important component in any company, especially construction companies. Construction companies are different from companies in other industries. Construction companies do not require big investment on capital outlay but they only require sufficient financial resources to meet their financial obligations. Many contractors failed to finish their construction projects on time. Previous research showed that the main reason for the failure is due to the contractors' cash flow problems. The main cause for this problem is delayed or non-payment by the employers. Therefore, the objective of this research is to identify the contractors' strategies in managing cash flow when encountering delayed or non-payment problems by employers. The scope of the research is limited to Class A and Grade G7 construction companies in Johor. The methodology used in achieving this objective is by interviews and questionnaires. The data collected is analyzed using *Statistical Package for the Social Science*. The analysis shows that construction companies strategies when facing delayed payment by employers are, one, by making financial reserve to increase the companies' capital before delayed payment occurs, and, two, use cash from others project as financial backup to absorb delayed payment of project. Those two strategies are internal. The external strategy is obtaining credit facilities from financial institutions.